

Perhimpunan Agung PBB

Malaysia sedia buka semula Kedutaan Besar di Baghdad

Pertemuan Anwar, Mohammed Shia' pererat hubungan teroka pelbagai peluang baharu

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

di New York



Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Iraq ditutup pada tahun 2003 susulan pencerobohan tentera Amerika Syarikat (AS) dan disokong negara sekutunya.

Presiden AS, George W Bush, ketika itu memberikan alasan kononnya mahu memusnahkan senjata pemusnah besar (weapons of mass destruction) dan menjatuhkan pemerintahan diktator Presiden Saddam Hussein.

Sejak itu banyak negara menutup pejabat kedutaan mereka dan operasi dipindahkan ke negara berdekatan, termasuk Malaysia yang menjadikan Kedutaan Besar di Amman, Jordan sebagai lokasi kedutaan.


Namun kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memaklumkan kepada rakan sejawatnya dari Iraq, Mohammed Shia' Al Sudani, bahawa Malaysia memutuskan untuk membuka semula Kedutaan Besar di Baghdad.

Ia dinyatakan pada mesyuarat dua hala mereka sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-78 (UNGA) di sini.

"Saya maklumkan, keputusan Kerajaan Malaysia untuk membuka semula Kedutaan Besar di Baghdad selepas lebih 20 tahun ditutup

"Kami juga berkesempatan bertukar pandangan terkait pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama," katanya.

Beliau berkata, mereka turut bersetuju supaya mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) Ke-9 di antara Malaysia dan Iraq yang



Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Mohammed Shia' di New York, kelmarin. (Foto BERNAMA)

tertanggung sekian lama bersidang semula masa terdekat.

"Ia akan menjadi platform dalam berbincang dan merangka skop kerjasama yang lebih mendalam antara Malaysia dan Iraq dalam pelbagai sektor, terutama ekonomi, pendidikan, hubungan udara dan pelancongan, selain meneroka peluang kerjasama baharu," katanya.

Rakan dagang ke-6 terbesar

Iraq kekal sebagai rakan dagang keenam terbesar Malaysia dan sumber import ketujuh terbesar dalam kalangan negara Asia Barat dengan jumlah perdagangan tahun lepas bernilai RM4.68 bilion (AS\$1.07 bilion), meningkat 24.3 peratus berbanding RM3.76 bilion (AS\$0.91 bilion) pada 2021.

Untuk rekod, AS mencerooboh Iraq selepas mendakwa pejuang jihad Islam yang digelar sebagai pengganas oleh negara barat, berpusat di negara Asia Barat, termasuk Iraq.

Saddaam juga didakwa sebagai pengganas dan melatih pejuang untuk menyerang kepentingan negara Barat, termasuk terhadap AS dengan merempuh dua bangunan pencakar langit World Trade Center (WTC) di New York menggunakan kapal terbang pada 11 September 2001 yang dikenali sebagai Tragedi 9/11.

Selain bertemu Mohammed Shia', Anwar mengadakan me-

syuarat bersama rakan sejawatnya, Srettha Thavisin yang menjadi pertemuan rasmi kedua-duanya sejak taikun hartanah itu dilantik sebagai Perdana Menteri Thailand, bulan lalu.

Mesyuarat kedua-duanya yang berlangsung 30 minit itu turut dihadiri menteri Kabinet negara masing-masing.

"Selain membincangkan cara mengukuhkan hubungan dua hala, kami bercakap mengenai pelbagai isu termasuk sempadan, proses damai di Selatan Thailand dan isu serantau lain yang mempunyai kepentingan bersama" kata Anwar.

Temui wakil Joe Biden

Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan dengan wakil Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden Mengenai Iklim, John Kerry yang juga Setiausaha Negara AS dari 2013 hingga 2017 di bawah pentadbiran Presiden, Barack Obama.

Antara topik yang dibincangkan mereka adalah mengenai alam sekitar, tenaga boleh diperbaharui dan pemanasan global yang menyebabkan kesan besar di seluruh dunia.

"Saya juga menyatakan hasrat untuk terus bekerjasama dengan AS dalam peralihan tenaga boleh diperbaharui, pengurangan pelepasan gas metana, kewangan iklim dan teknologi," kata Anwar.